

BERITA HARIAN, SABTU, 4 MAC, 1978

Mahathir akan dianugerah pingat emas

PULAU PINANG.
Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad akan dianugerahkan pingat emas Umno sempena perayaan ke-32 Umno dan ulangtahun ketiga Umno Bahagian Jelutong Ahad ini.

Dato Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah akan diberi sambutan

permaidani merah di Stadium Bandaraya dan akan diringi oleh pasukan Silat Melayu dan Jawatankuasa Perayaan masuk ke stadium.

Ketua Umno Bahagian Jelutong, Encik Yusof Latif memberitahu hari ini, setibanya di stadium, Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden Umno akan memeriksa satu perbarisan seramai 100 orang terdiri dari Pemuda dan Wanita Umno bahagian itu.

Upacara mengarak dan menaikkan bendera Umno akan diadakan selepas itu dan akan disulami dengan pembacaan sajak tentang sejarah dan pengertian bendera Umno dan diikuti dengan pukulan gendang Silat Melayu.

Taat setia

Upacara melafaskan ikrar taat setia akan diketuai oleh Encik Yusof dan diikuti oleh kesemua ketua cawangan Umno dan ahli-ahli Umno dari bahagian itu.

Persembahan Silat Melayu akan diadakan selepas itu diikuti dengan ucapan Encik Yusof dan amanat penting oleh Dato Seri Dr. Mahathir.

Sebelum itu Dato Seri Dr. Mahathir akan diperkenalkan kepada semua ketua cawangan, ketua pemuda dan wanita cawangan-cawangan Umno dalam Bahagian Jelutong. — Bernama.